

Kritikan Mahathir tidak pengaruhi pelajar IPT

KOTA BHARU 11 Ogos - Kementerian Pelajaran Tinggi yakin para penuntut Universiti tidak mudah terpengaruh dengan isu politik semasa terutama berhubung kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed berkata, ini kerana mereka adalah golongan yang matang dan lebih objektif dalam mempertimbangkan kebenaran sesuatu isu itu di samping sama ada ia akan dapat membawa faedah atau sebaliknya untuk bangsa dan negara.

Beliau yakin kesetiaan para penuntut kepada kerajaan secara umumnya tidak akan tergugat dengan isu ini malah kementerian setakat ini melihat fokus mereka kepada akademik juga tidak terjejas sama sekali.

"Bagaimanapun tidak dapat dinafikan, mungkin ada sebilangan kecil dari ratusan ribu penuntut Universiti yang cenderung untuk mempercayai isu yang dibangkitkan.

"Namun, yang pentingnya tidak akan ada lagi gelombang kedua seperti mana yang berlaku pada tahun 1998 sewaktu era reformasi yang memperlihatkan ramai penuntut Universiti menentang kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Hari Puteri Islam Negeri Kelantan di Wakaf Bharu, dekat sini hari ini.

Sementara itu beliau berkata, walaupun keadaan semasa menunjukkan tidak ada penuntut Universiti yang terlibat dalam isu ini, namun pentadbiran Universiti tidak boleh mengambil mudah.

Kata beliau, para penuntut sememangnya perlu didampingi dari masa ke masa bagi menerangkan mengenai dasar dan keputusan kerajaan tanpa mengambil kira sama ada wujud isu atau tidak.

"Para pelajar perlu penjelasan kerana jika tidak, mereka ini juga boleh dihasut oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menentang kerajaan.

"Ini seperti yang berlaku pada tahun 1998 dan 1999, dan sebab itu kita perlu elakkan sekali lagi dari ia berulang," ujarnya.

Dalam perkembangan berasingan berhubung pengiraan 10 peratus penglibatan kokurikulum yang dijadikan sebagai kriteria kemasukan ke Universiti awam, Mustapa menjelaskan, mulai sesi akan datang, perkara tersebut akan diisi oleh guru sendiri.

Katanya, melalui cara ini ia lebih tepat berbanding amalan sebelum ini, yang diisi oleh pemohon sendiri mengenai maklumat penglibatan kokurikulum mereka.

"Perkara ini adalah seperti yang dipersetujui antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran dalam perbincangan akhir Mac lalu.

"Bagi kementerian, aktiviti kokurikulum pelajar sememangnya perludiambil kira dalam usaha kita melahirkan pemimpin masa depan," jelasnya.